

TEKS: RH

SEMINAR ILMU QIROAT:DARI RIWAYAH KE DIRAYAH

PER: RUMUSAN SEMINAR

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih Cik Rafda,pengerusi majlis, Alhamdulillah rabbi 'alamin.

Segala puji bagi Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat-Nya,

Seminar Ilmu Qiroat: Dari Riwayah ke Dirayah dapat dilaksanakan dengan lancar.

Bagi pihak RH Qiroat Centre, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada para panel pembentang, atas perkongsian ilmu yang sangat bernilai, tersusun dan membuka kefahaman kita terhadap perkembangan ilmu Qiroat secara menyeluruh.

Dirayah : Menghimpunkan bacaan Al-Quran dari seorang guru kepada guru lain sehingga mutawatir ke Rasulullah SAW.

- Memahami asal-usul
- Lebih lengkap bagi yang memahami tafsir Al-Quran

Riwayah :

- Mengambil bacaan dari guru
- Kaedah talaqqi
- 1 qiroat, 2 riwayat yang berbeza bacaan
- Rasulullah SAW juga mengambil bacaan secara musafahah (berhadapan Malaikat Jibril)

Tanpa membuang masa, saya akan merumuskan topik seminar pada harini mengikut **panel pertama** iaitu dengan tajuk “**Ilmu Qiroat : Perkembangan Dari Riwayah Ke Dirayah Dan Kepentingan Ilmu Qiroat Dalam Pengajian Al-Quran**” oleh **YBhg. Profesor Madya Dr. Khairul Anuar**.

Dapat saya rumuskan bahawa ilmu Qiroat bukan sekadar seni bacaan, bahkan merupakan satu disiplin ilmu yang berasaskan riwayat yang sahih, berkembang kepada dirayah yang berkaedah, serta mempunyai implikasi besar dalam memahami al-Quran, khilaf fiqh dan tradisi keilmuan Islam. Perbincangan berkaitan perkembangan Qiroat, toriq, serta pembahagian seperti *Sugra* dan *Kubra* telah memberi pendedahan yang sangat bermakna kepada semua peserta.

Penggunaan matan yang lengkap dan bermakna sangat penting kerana ia membantu para pembaca memahami usul Qiroat dengan lebih jelas. Namun begitu, matan ini perlu dihafaz dan dipelajari bersama guru, bagi memastikan kefahaman dan pengamalan bacaan dilakukan secara tepat dan bersanad.

Kesimpulannya, **RH Qiroat Centre** menegaskan bahawa pengajian ilmu Qiroat perlu dipelajari secara berperingkat, berautoriti dan beradab, agar warisan bacaan al-Quran ini terus terpelihara dan diamalkan dengan penuh keyakinan oleh generasi masa kini.

Seterusnya, saya ingin merumuskan pembentangan **panel kedua** yang bertajuk “**Perbandingan Toriq dalam Qiroat Sugra dan Kubra: Satu Kajian Analitik**”, yang telah disampaikan oleh **YBhg. Ustaz Dr. Mohd Jismani bin Yusoff**.

Melalui pembentangan ini, kita dapat memahami dengan lebih jelas perkembangan ilmu Qiroat bermula daripada sumbangan tokoh-tokoh utama seperti Imam al-Syatibi dan Imam Ibn al-Jazari, yang menjadi asas kepada pembentukan sistem Qiroat Sugra dan Kubra sebagaimana yang diamalkan dan dikaji sehingga hari ini.

Panel ini turut menghuraikan perbezaan Qiroat dan perbezaan bacaan antara Sugra dan Kubra, termasuk aspek bilangan riwayat dan perawi, keperluan ketelitian dalam tajwid, serta variasi bacaan seperti takbir, ghunnah, saktah, dua wajah bacaan, fathah dan imalah. Perbincangan ini jelas menunjukkan bahawa setiap toriq mempunyai kaedah dan disiplin tersendiri yang perlu difahami dengan tepat.

Cabaran yang dihadapi dalam mempelajari Qiroat ini bukan sahaja meningkatkan daya ingatan, tetapi juga memberi pahala dan menepati sunnah Nabi SAW, selaras dengan tujuan **RH QC** untuk memastikan pengajian Qiroat dilakukan secara tepat, bersanad, dan beradab.

Akhir sekali, saya ingin merumuskan pembentangan **panel ketiga**, yang juga merupakan **Ketua Panel Penceramah**, iaitu **YBhg. Ustaz Muhammad Amiri bin Ab. Ghani**, dengan tajuk “**Analisis Perbezaan Qiroat: Tinjauan Metodologi dalam Surah al-Fatihah dan Surah-surah Lazim.**”

Antara penekanan utama yang sangat signifikan ialah penjelasan bahawa kepelbagaian bacaan Qiroat tidak mengubah makna asas ayat, sebaliknya memperkayakan kefahaman terhadap keindahan dan

keluasan rahmat Allah SWT dalam al-Quran. Perbincangan turut menyentuh aspek penyebaran Qiroat, khususnya amalan bacaan di masjid-masjid di Timur Tengah, serta peranannya dalam memelihara keaslian bacaan al-Quran.

Selain itu, panel juga menghuraikan contoh-contoh bacaan dalam Surah ad-Dhuha, al-Falaq dan an-Nas, termasuk perbezaan bacaan seperti *wasol* dan *waqaf*, serta bacaan muttasil dan munfasil, yang memerlukan kefahaman yang tepat agar bacaan dapat diamalkan dengan sah dan berdisiplin.

Secara keseluruhannya, pembentangan oleh ketua panel penceramah ini telah melengkapkan perbincangan seminar dengan pendekatan yang sangat aplikatif, tersusun dan menyeluruh, sekali gus membantu para peserta melihat bagaimana ilmu Qiroat diaplikasikan secara langsung dalam bacaan al-Quran harian.

RH QC turut menekankan bahawa Toriq Toyiybah sedang disembarkan di Mekah dan Madinah, menandakan pentingnya penyebaran ilmu Qiroat pada peringkat Sughra dan Kubra. Pelbagai contoh pada Surah Lazim juga menggambarkan ketajaman akal fikiran dalam membezakan setiap qiroat, sekali gus menekankan kepentingan pembelajaran yang berautoriti dan bersanad.

Sebagai penutup, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para panel penceramah dan semua peserta atas komitmen dan perkongsian ilmu yang bermakna. Semoga segala ilmu yang diperolehi memberi manfaat dan keberkatan buat kita semua. Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.